

Teks Ucapan

**Yang Berbahagia Profesor Datuk Ts. Dr. Hajah Roziah
Mohd Janor
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA**

Sempena

**Majlis Penutup
Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (ICAN) bersama
Timbalan Dekan ICAN/ PJI, Timbalan Rektor PJI dan
Koordinator ICAN [MeTIC] kali ke-12**

30 JANUARI 2023 | ISNIN

HOTEL IMPIANA , IPOH PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Yang Berbahagia Profesor Dr. Mohamad Hariri
Abdullah**

Timbalan Naib Canselor UiTM
(Jaringan Industri Komuniti dan Alumni)

Profesor Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim

Rektor UiTM Cawangan Perak

Profesor Madya Dr. Mahadir Ladisma @ Awis

Pengarah Pusat Jaringan Komuniti

Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN)

UiTM Shah Alam

merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Penganjuran MeTIC kali ke-12

Timbalan-Timbalan Rektor dan Timbalan-Timbalan Dekan
ICAN/ PJI

Para Koordinator ICAN dari seluruh sistem UiTM

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

[Salutasi- kemaskini berdasarkan kehadiran]

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran saya panjatkan ke hadrat Allah SWT atas rahmat dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama di Majlis Penutup Mesyuarat Timbalan Naib Canselor (ICAN) bersama Timbalan Dekan ICAN/ PJI, Timbalan Rektor PJI dan Koordinator ICAN [MeTIC] kali ke-12.

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Profesor Dr. Mohamad Hariri Abdullah, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri Komuniti dan Alumni) dan seluruh warga ICAN kerana telah berusaha untuk menganjurkan mesyuarat ini yang sememangnya penting untuk memupuk hubungan erat dan persefahaman di kalangan kesemua peserta.

3. Saya amat mengalu-alukan penglibatan aktif para peserta dalam mesyuarat ini dan percaya komitmen tinggi Tuan-tuan dan Puan-puan untuk melaksanakan serta menjayakan projek-projek strategik serta jaringan

berimpak yang berfokus kepada aspek industri, komuniti dan alumni dengan penekanan kepada SDG yang akan menyumbang secara terus terhadap pencapaian UiTM sebagai universiti terkemuka dunia menjelang 2025.

4. Sebagaimana yang para hadirin sedia maklum, pada masa kini, kita berdepan begitu banyak cabaran dalam menyediakan sumber manusia yang berkemahiran tinggi dalam mengharungi Industri Revolusi 4.0 (IR4.0)

5. Oleh itu, kerjasama baik antara UiTM bersama pihak industri, komuniti dan alumni wajar diteruskan di masa hadapan agar sumbangan kita sama ada melalui organisasi mahupun perseorangan dapat dipelbagaikan bagi impak dan manfaat yang lebih besar dan signifikan kepada semua pemegang taruh.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

6. Pihak Universiti sentiasa mencari dan membuka peluang bagi menjalin kerjasama yang erat dengan pihak luar bagi mempelbagaikan dan memaksimumkan impak terhadap warga UiTM terutama para pelajar dan graduan.

7. Ini bertepatan dengan hasrat ICAN yang berperanan menjalin dan memperkukuh kerjasama yang akan bermanfaat dan memberikan nilai tambah ketara melibatkan penyelidikan, kemahiran insaniah, keusahawanan, serta meningkatkan pelbagai kemahiran, peluang industri dan penglibatan sosial.

8. Bagi mengekalkan dan mewujudkan kerjasama yang berkesan dengan rakan kerjasama, saya mengharapkan penganjuran aktiviti yang berimpak besar dan mampan sejajar dengan Pelan Strategik UiTM.

9. Tema yang dipilih untuk MeTIC kali ke-12, **“Nexus approach towards globally marketable engagements”** bertepatan dengan fokus UiTM pada tahun 2023 iaitu **“Globally Marketable”**.

10. Saya berharap warga ICAN akan terus memberikan yang terbaik dalam menjalankan tanggungjawab dan amanah bagi memperkukuh usaha memasyarakatkan universiti sebagai gedung ilmu yang mesra industri, komuniti dan alumni.

Hadirin sekalian,

11. Difahamkan, penganjuran MeTIC kali ini turut memberikan penghargaan terhadap usaha para warga Universiti yang telah menjayakan projek-projek berimpak sepanjang tahun 2022.

12. Tahniah saya ucapkan kepada semua sama ada yang berjaya dan sebaliknya. Jadikan ia sebagai pemangkin untuk mempertingkatkan lagi usaha pada masa hadapan.

13. Terima kasih dan syabas sekali lagi kepada semua pihak yang telah menjayakan MeTIC kali ke-12. Bak kata pepatah, **“bulat air kerana pembetong, bulat manusia kerana muafakat”**. Kesepakatan dan keakraban yang terbentuk antara semua warga ICAN UiTM sebagai satu pasukan akan membuahkan hasil yang membanggakan.

14. Dengan lafaz ‘Bismillahirrahmanirrahim’ saya dengan ini merasmikan Majlis Penutup Mesyuarat Timbalan Naib Canselor bersama Timbalan Dekan ICAN/ PJI, Timbalan Rektor PJI dan Koordinator ICAN [MeTIC] kali ke-12.

Sekian.

Terima kasih.

**Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**